

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 27 OKTOBER 2014 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Wira Othman bin Abdul [ Pendang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh jawatankuasa teknikal bersama Kerajaan Pusat dan Kerajaan Kelantan mengenai pelaksanaan hudud. Apakah halangan-halangannya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penubuhan Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Jenayah Syariah Peringkat Persekutuan telah dibentuk dan dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan kumpulan pakar.

Setakat ini Jawatankuasa tersebut telah mengadakan dua kali mesyuarat untuk mengenalpasti kekangan dari segi Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa, bagi membolehkan undang-undang jenayah Syariah diperkasakan pelaksanaannya di negara ini.

Sekian, terima kasih.